

MERBAH BULU PANJANG TENGGUK
Hairy-Backed Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Hypsipetes criniger*



CIRI-CIRI

Burung dewasa bersaiz agak kecil dan bahagian antara mata dan paruh serta di sekitar mata yang jelas berwarna kuning. Pada bahagian dada pula, terdapat tompok-tompok kotor yang berwarna hijau buah zaitun kekelabuan. Bahagian perut dan bulu penutup bawah ekor pula berwarna kuning, manakala pada bahagian sayap dan ekor pula kemerahan. Terdapat bulu yang seakan-akan rambut manusia pada bahagian belakang badan namun tidak kelihatan jika dilihat semasa di lapangan.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 16.5-17.0 sm.

MAKANAN

Buah-buahan, serangga, nektar dan pucuk bunga.

HABITAT

Burung ini mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap hingga ke ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi yang agak sederhana dan kicauannya diselang-selikan dengan bunyi getaran *whirrh*. Ia juga mengeluarkan siulan *whiii* yang panjang dan bernada tinggi serta berulang-kali.

TABIAT

Ia biasanya berkeliaran di bahagian lantai hutan dan pertengahan kanopi

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Februari hingga Jun setiap tahun.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.